



Ruj Tuan : ME/2021/10/01  
Ruj. Kami : JPNK.100-12/2/1 ( 13 )  
Tarikh : 01 November 2021

**Ketua Pengerusi Exsekutif**  
**Xused Worldwide Solutions Sdn. Bhd**  
**2-19-01 Worldwide @7 Jalan Lazuardi 7/29**  
**Seksyen 7**  
**40000 Shah Alam Selangor**

Tuan,

**KEBENARAN PELAKSANAAN PROGRAM KITAR SEMULA “XUSED - LEARN & EARN”  
DAN SISTEM EKO LENGKAP PEMBAYARAN TANPA TUNAI (CASHLESS PAYMENT)  
UNTUK SEKOLAH - SEKOLAH NEGERI KEDAH TAHUN 2022**

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas, surat tuan **ME/2021/10/01** bertarikh **25 Oktober 2021** adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman **tiada halangan** dan **membenarkan** pihak Xused Worldwide Solutions Sdn. Bhd untuk melaksanakan **Program Kitar Semula “Xused - Learn & Earn” dan Sistem Eko Lengkap Pembayaran Tanpa Tunai (Cashless Payment) Untuk Sekolah - Sekolah Negeri Kedah Tahun 2022** seperti yang terkandung dalam surat tuan kepada kami.

3. Walau bagaimanapun perkara-perkara berikut mestilah dipatuhi;

- 3.1 Mestilah mendapat kebenaran bertulis dari Pengetua/Guru Besar sekolah berkenaan.
- 3.2 Surat kebenaran ini tidak boleh digunapakai untuk tujuan mendapatkan sumbangan dan tajaan dari mana - mana pihak.
- 3.3 Penyertaan guru dan murid tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.
- 3.4 Penganjur disarankan menjalankan aktiviti secara dalam talian dengan menggunakan kemajuan teknologi serta kemudahan yang terkini.
- 3.5 Penyertaan adalah secara sukarela tanpa sebarang ada unsur paksaan.
- 3.6 Segala perbelanjaan ditanggung sepenuhnya oleh pihak penganjur.
- 3.7 Tiada implikasi kewangan kepada JPN, PPD, sekolah, guru dan murid berkenaan.
- 3.8 **Mematuhi arahan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang sedang berkuat kuasa.**
- 3.9 Murid-murid yang terlibat mestilah mendapat kebenaran bertulis dari ibu/bapa atau waris/penjaga.
- 3.10 **Pihak penganjur dikehendaki menghantar laporan berkenaan penglibatan pelajar dalam tempoh 30 hari selepas program dijalankan.**
- 3.11 Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Kedah berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

**KEBENARAN PELAKSANAAN PROGRAM KITAR SEMULA “XUSED - LEARN & EARN”  
DAN SISTEM EKO LENGKAP PEMBAYARAN TANPA TUNAI (CASHLESS PAYMENT)  
UNTUK SEKOLAH - SEKOLAH NEGERI KEDAH TAHUN 2022**

Ruj. Kami : JPNK.100-12/2/1 ( 13 )

Tarikh : 01 November 2021

4. Kebenaran ini (**Program Kitar Semula “Xused - Learn & Earn” dan Sistem Eko Lengkap Pembayaran Tanpa Tunai (Cashless Payment) Untuk Sekolah - Sekolah Negeri Kedah Tahun 2022**) adalah untuk tujuan tersebut di atas dan sah sehingga **31 Disember 2022.**

5. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi **En. Hasnizam bin Zakaria, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah** di talian **0162635969/047745175** untuk maklumat lanjut.

Segala perhatian daripada tuan amat kami hargai dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**( SABRI BIN OSMAN, BCK. )**

Timbalan Pengarah Pendidikan (Pembangunan Murid)

b.p Pengarah Pendidikan Negeri Kedah

Jabatan Pendidikan Negeri Kedah

s.k 1.Pengarah Pendidikan Negeri Kedah

2.Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Kedah

*Hbz/KEBENARAN/XUSED/2022*